



Pejabat Pendaftar

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami : UPSI/PEND/BG1/646.5 (12)

Tarikh : 05 Januari 2012
11 Safar 1433H

Seperti di lampiran

Tuan/puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENYANDANG KURSI TUN ABDUL GHAFFAR BABA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Izinkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mempelawa kakitangan akademik Tuan/Puan, yang berminat bagi mengisi kekosongan jawatan Penyandang Kursi Tun Abdul Ghaffar Baba di Universiti ini dengan mengemukakan:

2.1 "Curriculum Vitae" (CV) yang lengkap dan terkini mengandungi maklumat asas seperti:

- i. Latar belakang diri/peribadi, keluarga, alamat surat menyurat;
- ii. Pendidikan dan kerjaya;
- iii. Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
- iv. Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi

2.2 "Key Performance Indicator" (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Penyandang Kursi Tun Abdul Ghaffar Baba

2.3 Kriteria-kriteria yang diperlukan adalah seperti dilampirkan.

3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **20 Januari 2012 (Jumaat)** dan sila kemukakan permohonan kepada Pendaftar, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak. Sebarang maklumat lanjut dan pertanyaan bolehlah menghubungi En. Helmi Zaifura bin Abdul Rahman di No. Tel: 05-4506351.

Sekian, terima kasih.

"KOMITED MEMBAWA PERUBAHAN DALAM PENDIDIKAN"

Yang benar,

(DATU RUSLEY BIN TAIB)

Pendaftar

s.k : Y.Bhg. Naib Canselor

PEJABAT PENDAFTAR		
<input type="checkbox"/> TP	<input type="checkbox"/> PPK	<input type="checkbox"/> KA
<input type="checkbox"/> KPP	<input type="checkbox"/> PP	<input checked="" type="checkbox"/> ST
<input type="checkbox"/> KP	<input type="checkbox"/> PT	
SILAU/TUK		<input type="checkbox"/> FAIL
<input type="checkbox"/> BINCANG		<input type="checkbox"/> URUS
<input type="checkbox"/> MAKLUMAT	9 - JAN 2012	<input type="checkbox"/> PERHATIAN
<input type="checkbox"/> KOMEN		<input type="checkbox"/> JAWAB
<input checked="" type="checkbox"/> TINDAKAN	TERIMA	<input type="checkbox"/> SEMAK
<input type="checkbox"/> BOP		
<input type="checkbox"/> EBAR		
<input type="checkbox"/> ENRAFFAR		TARIKH

E. Wages

KRITERIA-KRITERIA PENYANDANG KURSI TUN ABDUL GHAFFAR BABA, UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.

1. Terdiri dari kalangan ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang;
2. Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi;
3. Mempunyai PhD dan kelayakan profesional;
4. Berpengalaman dalam kepemimpinan bidang guru/pendidikan dan hubungan etnik di Malaysia;
5. Berupaya meneruskan tradisi intelektual yang terasas di zaman SITC, terutamanya dari segi penghasilan karya ilmiah dan penerbitan buku-buku ilmiah dalam bidang-bidang ini;
6. Berkeupayaan memajukan dan memartabatkan ilmu dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan selaras dengan hasrat menjadikan UPSI sebagai Universiti pendidikan terulung di Malaysia;
7. Pakar dalam menjalankan penyelidikan dan kajian dalam bidang kepemimpinan guru/pendidikan serta hubungan etnik di samping menjana idea, teori, pendekatan serta kaedah pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dengan kehendak masa kini;
8. Mempunyai kemampuan untuk menjadikan UPSI bukan sahaja pusat rujukan ulung di Malaysia, malah mencakupi rantau ini dan di peringkat antarabangsa; dan
9. Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.

1. **Pendaftar**
Universiti Malaya (UM)
50603 Lembah Pantai
KUALA LUMPUR
2. **Pendaftar**
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 Minden
PULAU PINANG
3. **Pendaftar**
Universiti Putra Malaysia (UPM)
43400 Serdang
SELANGOR
4. **Pendaftar**
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi
SELANGOR
5. **Pendaftar**
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Skudai
JOHOR
6. **Pendaftar**
Universiti Teknologi MARA (UITM)
40450 Shah Alam
SELANGOR
7. **Pengarah**
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR
8. **Pendaftar**
Universiti Utara Malaysia (UUM)
06010 Sintok
KEDAH
9. **Pendaftar**
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Kota Samarahan
94300 Kuching
SARAWAK
10. **Pendaftar**
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Beg Berkunci 2073
88999 Kota Kinabalu
SABAH
11. **Pendaftar**
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN